

Aktiviti menarik sempena Pesta Konvo USIM

SEREMBAN 22 Okt.

- Sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 6 hingga 9 Novermber, pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada pengunjung sepanjang tempoh tersebut.

Mendapat kerjasama akhbar *Utusan Malaysia*, pesta yang akan berlangsung selama empat hari itu turut menganjurkan cabaran Mini Xplorace pada 7 November di tapak pesta konvo.

Pengunjung berpeluang untuk menyertai aktiviti tersebut secara berkumpulan dan penyertaan terbuka dengan setiap kumpulan diwakili lima peserta.

Aktiviti itu mengikut format ujian mental dan fizikal untuk menyelesaikan 10 tugas mengikut masa terpantas.

Bagi Cabaran Mini Xplorace, juara pertandingan bakal memenangi wang tunai bernilai RM1,000, tempat kedua RM500, RM400 (ketiga) dan RM200 (keempat).

Disamping itu, pemenang saguhati bakal menerima produk eksklusif daripada penganjur.

Pengunjung yang berminat untuk menyertai Cabaran Mini Xplorace ini hanya perlu datang ke tapak pesta untuk mendaftar dan pembayaran hanya RM20 bagi setiap pasukan.

20 penyertaan terawal akan menerima hadiah eksklusif daripada penganjur selain turut diberi sijil penyertaan.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pertandingan boleh menghubungi urusetia di talian 03-9232 4426 (Mart) / 013-305 2811 / 013-266 7011/ 017-372 7420 / 03-9232 4430/4432.